

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, July 21, 2019 4:06 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bibliometric Merentasi Pelbagai Disiplin Menghasilkan Penerbitan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 JULAI 2019 / 18 ZULKAEDAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Muhammad Hafiz Mohd Ghazali

BIBLIOMETRIC MERENTASI PELBAGAI DISIPLIN MENGHASILKAN PENERBITAN



UUM ONLINE: Melihat kepada penggunaan teknik *bibliometrics* atau *scientometrics* yang kini digunakan secara meluas dalam bidang penerbitan ilmiah, Pusat Penyelidikan Pengurusan dan Inovasi (RIMC) telah menganjurkan Bengkel Writing and Publishing an Article using Bibliometric Analysis di UTLC, baru-baru ini.

Seramai 26 peserta terdiri ahli akademik universiti yang menyertai bengkel itu telah mendapat pendedahan daripada penceramah, Dr. Aidi Ahmi tentang kaedah tersebut.

Menurutnya, kajian bibliometrik merupakan satu kajian yang menggunakan aplikasi kaedah matematik dan statistik bagi mengkaji pola penerbitan ilmiah.

"Secara asas, ia merupakan bidang penyelidikan yang mengkaji kandungan bidang ilmu merentasi pelbagai disiplin atau cabang ilmu," katanya.

Bengkel tersebut telah memberikan banyak ilmu alternatif kepada peserta yang selama ini hanya terdedah kepada ilmu yang terhad dalam bidang penerbitan.

Peserta bengkel berharap agar siri bengkel seperti itu dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi memberi ruang dan peluang terutama kepada peserta yang masih baharu di dalam dunia akademik dan penyelidikan untuk terus memahami dan menimba ilmu pengetahuan tentang bidang tersebut.

Secara keseluruhannya, bengkel selama dua hari itu berjaya dianjurkan selari dengan objektif yang telah dirancang dan secara tidak langsung, perkongsian sebegini akan menyerlah dan menghasilkan penerbitan berimpak tinggi.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.